

15 DEC 1997

Sidang-Asia Timur

SIDANG KEMUNCAK ASIA TIMUR PERTAMA MULA HARI INI

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Sidang Kemuncak Asia Timur pertama yang dikenali sebagai sidang kemuncak Asean Campur 3 bermula di sini hari ini antara sembilan negara anggota Asean dan China, Jepun dan Korea Selatan.

Krisis kewangan di Asia menjadi agenda utama dengan para pemimpin berkenaan berusaha mencari langkah untuk menstabilkan masalah itu yang menyebabkan Thailand, Indonesia dan Korea Selatan mendapatkan bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa berjumlah lebih AS\$100 bilion.

Terdapat kebimbangan terhadap senario yang semakin buruk itu dan pakej bantuan IMF mungkin tidak mencukupi untuk mengembalikan kestabilan.

Sidang kemuncak itu, yang diadakan di Hotel Palace of Golden Horses, dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggesa supaya urusan mata wang dikawal untuk menjadikannya lebih terbuka dan telus.

Krisis kewangan itu bermula apabila mata wang Thai diapungkan pada Julai selepas nilainya merosot berikutan spekulasi berlebihan yang kemudian merebak ke beberapa negara di rantau ini.

China diwakili Presiden Jiang Zemin, Jepun oleh Perdana Menteri Ryutaro Hashimoto dan Korea Selatan oleh Perdana Menteri Koh Kun.

Jurucakap China Shen Guofeng hari ini berkata China bersedia untuk membincangkan mengenai kerjasama kewangan dengan negara-negara Asean.

Beliau berkata Beijing berpendapat IMF tidak seharusnya mengenakan "syarat-syarat yang terlalu ketat" ke atas negara-negara yang mendapatkan bantuan bagi mengatasi masalah ekonomi mereka.

Hashimoto, yang dijangka mengumumkan bantuan untuk negara-negara Asean di sini, telah membayangkan bahawa Jepun mahu langkah-langkah itu dilaksanakan di bawah naungan IMF.

Para pemimpin Asean, yang bermesyuarat pagi ini untuk sidang kemuncak tidak rasmi kedua mereka, dijangka mengeluarkan satu kenyataan bersama khas mengenai krisis kewangan itu lewat hari ini.

Asean dianggotai Brunei, Singapura, Indonesia, Malaysia, Thailand, Laos, Myanmar, Filipina dan Vietnam. -- BERNAMA

MAM NAK